



Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (KPDRM) mempelawa calon-calon yang berminat untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan PENOLONG PENGURUS PEMBANGUNAN PERNIAGAAN KPDRM. Kelayakan yang dikehendaki adalah seperti berikut:

JAWATAN:
PENOLONG PENGURUS PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
(1 kekosongan)

Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- 1) Warganegara Malaysia berumur 30 - 40 tahun (calon-calon yang mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang pembangunan perniagaan mestilah tidak melebihi 45 tahun dari tarikh tutup iklan).
- 2) Memiliki kelulusan peringkat Ijazah/Ijazah Sarjana Muda (keutamaan dalam bidang Pentadbiran Perniagaan / Kewangan / Perakaunan / Pelaburan / Ekonomi) atau yang setaraf dengannya dari Institusi Pengajian Tinggi yang diiktiraf Kerajaan; dan
- 3) Memiliki kelulusan peringkat SPM atau setaraf dengannya dengan kepujian dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik serta lulus dalam tiga matapelajaran lain;
- 4) Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang yang berkaitan dengan pembangunan perniagaan dan berpengalaman bekerja di sektor koperasi berskala besar merupakan satu kelebihan dan akan diberi keutamaan;
- 5) Mahir dalam perancangan kewangan dan pelaburan termasuk berkemahiran dalam rundingan, perancangan strategik dan pentadbiran.
- 6) Memiliki minda analitikal yang sangat baik, mempunyai daya kepimpinan dan integriti yang tinggi dan berkeupayaan bekerja di bawah tekanan serta mampu bekerja secara berdikari termasuk menyelesaikan masalah dengan cekap dan pantas.



- 7) Mempunyai kemahiran komunikasi yang cemerlang, matang dan bermotivasi tinggi serta boleh bekerja dalam satu pasukan dengan semua peringkat kakitangan.
- 8) Memilikii pengetahuan dan pemikiran strategik dengan visi yang hebat serta pemahaman yang tinggi dalam strategi pembangunan, ekonomi serta analisa perniagaan.
- 9) Berketrampilan serta memiliki kemahiran interpersonal dan komunikasi yang baik di semua peringkat dan berpengetahuan dalam bidang teknologi maklumat dan mahir dalam penggunaan komputer/internet.

Tugas dan Tanggungjawab:

Secara amnya tugas dan tanggungjawab adalah berkaitan dengan pembangunan dan pelaksanaan perniagaan yang dilaksanakan oleh KPDRM termasuk membantu anak-anak syarikatnya seperti berikut:

- 1) Mengetuai dan menguruskan Bahagian Pembangunan Perniagaan (BPP) yang merangkumi kajian potensi cadangan perniagaan, usahasama, pemasaran, jualan dan pemantauan Rakan Kerjasama Strategik (RKS) dan Rakan Kerjasama Jualan (RKJ) KPDRM;
- 2) Menguruskan kakitangan kumpulan BPP, membahagikan tugas secara teratur, menerapkan budaya bekerja dalam pasukan, memastikan interaksi positif antara ahli kumpulan dan memperbaiki kualiti kerja dari semasa ke semasa;
- 3) Mengenalpasti cadangan perniagaan yang berpotensi menjana pendapatan KPDRM dan memberi pulangan tinggi kepada anggota KPDRM;
- 4) Memastikan cadangan perniagaan yang dipilih mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM);
- 5) 'Engagement' dan 'Networking' dengan RKJ,RKS dan pihak/syarikat yang berpotensi selari dengan perniagaan teras KPDRM sebagai Koperasi Kredit;
- 6) Merancang strategi pembangunan perniagaan, sasaran pemasaran dan jualan serta unjuran pendapatan;
- 7) Mendapatkan kelulusan cadangan perniagaan/pemasaran/promosi daripada Ketua Pegawai Operasi/Ketua Pegawai Eksekutif dan Anggotai Lembaga KPDRM;



- 8) Memantau keseluruhan perjalanan setiap cawangan BPP dan memberi solusi kepada permasalahan yang dihadapi;
- 9) Menghadiri mesyuarat/perbincangan berkaitan cadangan perniagaan baru dan sedia ada;
- 10) Memastikan kakitangan kumpulan BPP mematuhi Operasi Standard Prosedur (SOP) cawangan masing-masing;
- 11) Memastikan komunikasi yang efektif samaada secara dalaman (dalam organisasi) dan luaran (pihak berkepentingan);
- 12) Merangka dan menyediakan unjuran belanjawan tahunan BPP;
- 13) Memastikan kakitangan mempunyai keperluan yang mencukupi untuk menjalankan tugas;
- 14) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Pegawai Operasi/Ketua Pegawai Eksekutif dari masa ke semasa.
- 15) Sentiasa menjaga imej dan nama baik KPDRM di samping menjadi contoh kepada kakitangan seliaan.

*Iklan Jawatan PPPP
sm/20042023*

CARA MEMOHON

Borang permohonan boleh diperolehi di Cawangan Sumber Manusia (CSM), Tingkat 10, Bangunan Koperasi Polis, No. 1, Jalan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.

Borang yang telah lengkap beserta salinan sijil-sijil dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan ke alamat di atas atau melalui email csm@kpd.com.my pada atau sebelum **jam 3.00 petang, 15 Mei 2023**.

Permohonan yang tidak lengkap dan diterima selepas tarikh di atas tidak akan diberi pertimbangan. Hanya calon yang layak dan memenuhi syarat akan disenaraipendek dan dipanggil untuk sesi temuduga.

b/p PENGURUSAN KPDRM